

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah faktor yang mengakibatkan berlakunya kelewatan di dalam memaklumkan kepada pelajar berkaitan penangguhan proses pendaftaran dan orientasi bagi pelajar universiti awam baru dan apakah mekanisme Kementerian bagi membantu pelajar yang terkandas dan memerlukan bagi meneruskan kemasukan untuk sesi pendaftaran yang akan diumumkan kelak memandangkan ada di antara mereka merupakan pelajar yang kurang berkemampuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah memutuskan agar sesi pendaftaran dan kemasukan pelajar baharu atau sedia ada secara bersemuka ke kampus yang dirancang pelaksanaannya pada bulan Oktober 2020, ditangguhkan. Keputusan ini dibuat berikutan berlakunya peningkatan bilangan kes penularan pandemik COVID-19 secara mendadak di dalam negara. Ia juga selaras dengan arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan atas nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

NO. SOALAN : 25

Kementerian juga turut memantau secara rapat perkembangan semasa pandemik COVID-19 di dalam negara bagi memastikan sebarang keputusan yang dibuat dapat menjamin keselamatan dan menjaga kebajikan pelajar.

Sebagai inisiatif berterusan untuk memastikan maklumat yang tepat dapat disalurkan, Bilik Gerakan di kementerian dan talian *hotline* di universiti-universiti awam terus dibuka bagi menjawab sebarang pertanyaan daripada pelajar, ibubapa, warga IPT, atau masyarakat umum.

Selain itu, kementerian turut bekerjasama dengan syarikat penerbangan dan pengangkutan darat seperti Malaysia Airlines, AirAsia, Malindo Air dan FireFly serta pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi menawarkan penjadualan semula pergerakan pelajar tanpa dikenakan sebarang implikasi kos tambahan. Pihak pengurusan universiti awam juga menyediakan insentif kewangan; pemberian pelan data dan peranti secara percuma atau pada harga tawaran istimewa; elaun sara hidup; dan bantuan makanan kepada pelajar berkeperluan.

Kementerian juga peka terhadap isu rumah sewa yang sering dihadapi oleh pelajar. Atas dasar keprihatinan mendalam terhadap permasalahan ini, maka Kementerian dengan kerjasama Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM) telah mengolah langkah bagi membangunkan garis panduan pengurusan rumah sewa siswa untuk digunapakai di peringkat IPT. Kementerian turut mencadangkan kepada pihak universiti awam agar satu unit/seksyen khusus diwujudkan bagi mengendalikan urusan dan kebajikan pelajar *non-resident* atau pelajar luar kampus. Lanjutan daripada ini, Kementerian dengan kerjasama MAPUM, universiti awam dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sedang membangunkan satu portal pengurusan rumah sewa siswa yang dilihat menjadi satu platform bersepadu bagi pengurusan hal ehwal berkaitan rumah sewa atau kemudahan penginapan luar kampus bagi pelajar.

Atas dasar keprihatinan, bagi pengajian semester 2 sesi 2019/2020, Kerajaan telah bersetuju untuk mengurangkan kadar yuran asrama dan

NO. SOALAN : 25

perkhidmatan atau aktiviti UA sehingga 15 peratus. Ini melibatkan peruntukan sebanyak RM72 juta. Bagi pengajian semester 1 Sesi 2020/2021 pula, Kerajaan juga bersetuju untuk mengurangkan yuran asrama dan perkhidmatan pada kadar minimum 10 peratus.

Kementerian amat mengalu-alukan segala sumbangan dan peranan oleh pihak luar termasuk NGO; agensi; syarikat; atau individu untuk tampil sama-sama berganding bahu menghulurkan bantuan kepada pelajar di universiti awam. Atas prinsip ini, Kementerian dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) juga telah melancarkan inisiatif dengan izin *crowdfunding* melalui Tabung Prihatin Siswa. Inisiatif ini mengajak pihak luar untuk turut sama menyalurkan sumbangan bagi membantu meringankan kesulitan pelajar yang berkeperluan dalam meneruskan sesi PdP mereka.

Sekian, terima kasih.